

Dagangan KL-Bangkok dijangka lebih RM126b menjelang 2025

Projek PIP bakal wujudkan nilai tambah kepada projek strategik NCER

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Padang Besar: Pembangunan Pelabuhan Darat Perlis (PIP) akan merencanakan aktiviti perdagangan Malaysia-Thailand yang dijangka bernilai lebih RM126 bilion menjelang 2025, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, kedudukan Perlis yang strategik dari segi geografi bakal memberi kelebihan kepada negeri itu memanfaatkan pelbagai peluang ekonomi dan perniagaan dalam perniagaan rentas sempadan.

Katanya, projek PIP juga bakal mewujudkan nilai tambah kepada projek strategik Wila-

yah Ekonomi Koridor Utara (NCER) seperti Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA), Lembah Agro Chuping (CAV), Zon Ekonomi Agribio (NAEZ) dan Perlis Super Fruits Valley.

“Sukacita saya umumkan nilai dagangan terkini Malaysia-Thailand berjumlah lebih RM96 bilion dan sejumlah RM44 bilion disumbangkan melalui perdagangan antara sempadan. Ini membuktikan komitmen kedua-dua negara dalam meningkatkan hubungan dua hala dan kerjasama dalam pelbagai bidang.

“Bidang berkenaan seperti perdagangan dan pelaburan, pertanian, pendidikan dan tenaga kerja,” katanya pada Majlis Perasmian PIP dan Infrastruktur Sokongan yang dirasmikan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, semalam.

Ismail Sabri yang melakukan lawatan kerja ke Thailand pada Februari lalu, berkata kerajaan komited dalam melaksanakan projek PIP melalui penyediaan tiga infrastruktur luaran utama, iaitu jajaran keretapi, jambat

dan *bonded road* membabitkan peruntukan RM340 juta dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

Katanya, projek itu juga bakal mempercepatkan pembangunan rentas wilayah dan negeri serta kawasan luar bandar, bandar dan sempadan, sekali gus memastikan pembangunan lebih seimbang dan keterangkuman yang lebih baik.

“NCER kini berdepan prospek pertumbuhan cerah dengan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar wilayah antara 6.5 hingga 6.9 peratus dalam tempoh pemulihan 2022.

“Pelaksanaan program modal insan NCIA juga memanfaatkan 67,935 Keluarga Malaysia dari 30 daerah dalam NCER antara 2019 hingga 2021,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, impak PIP bakal dirasai, terutamanya CVIA yang akan mentransformasikan Perlis dan ekonomi NCER melalui peningkatan pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan.

“Walaupun baru dilancarkan, CVIA berjaya menarik pelaburan

komited RM4.5 bilion yang bakal menjana hampir 12,000 peluang pekerjaan yang dapat mengurangkan migrasi keluar rakyat tempatan.

“Hasilnya, Perlis kini dilihat

bersedia mengorak langkah ke arah transformasi, menjadikan negeri berasaskan perindustrian moden dengan projek strategik berimpak tinggi seperti PIP dan CVIA,” katanya.